

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA.**

**PENGGUNAAN DIGITAL AUDIO**

**DALAM INDUSTRI MUZIK**

**TEMPATAN.**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN KEPADA**

**FAKULTI SENI PERSEMBAHAN**

**SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN**

**DARIPADA SYARAT-SYARAT**

**IJAZAH SARJANA MUDA**

**SENI MUZIK**

**OLEH**

**AZHAL IZUAN BIN M.Z. HALIM**

**93788930**

**SHAH ALAM, SELANGOR**

**SESSI JUN 99**

## PENGHARGAAN

ASSALAMUALAIKUM W.B.R.

Alhamdulillah dengan izin Allah s.w.t maka selesailah hasil kajian saya ini setelah sekian lama bertungkus lumus melengkapkan tesis ini untuk memenuhi kehendak pengajian saya di Institut Teknologi Mara.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada abah, M.Z. Halim Hj Hassan dan mama, Aziza Turaihah binti Ahmad kerana kasih sayang, sokongan, dan pengorbanan yang telah mereka berikan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Abang, kakak (nuqman dan nonina), adik dan Faza dengan segala kesabaran dan dorongan yang telah mereka berikan, tidak ada perkataan yang boleh menggambarkan segala yang terhasrat di minda dan tiada apa yang boleh saya balas dengan segala pemberian yang kamu semua berikan, semoga dan hanya tuhan yang boleh membalas jasa-jasamu sekalian.

Terima kasih di atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan oleh penasihat saya, Drs. Yoesbar Djaelani yang telah bersama saya sepanjang menjalankan kajian terhadap tesis ini. Kesabaran dan minat beliau terhadap kerja

## SINOPSIS..

Kesenian adalah satu medium penyampaian ekspresi manusia yang telah dipraktikkan sejak berzaman dahulu dan muzik adalah salah satu cabang seni yang terhasil daripada rangkaian bunyi yang mempunyai irama dan ritma yang teratur. Seni bunyi atau muzik ini adalah satu seni yang fleksibel di mana ianya berubah mengikuti faktor-faktor seperti pengaruh masa, taraf kehidupan manusia dan teknologi.

Pada masa dahulu, bidang pengkhususan di dalam kesenian ini adalah terhad. Antara bidang yang dipraktikkan ialah komposisi, gubahan lagu, pemain instrument dan pentadbiran persembahan. Terdapat dua katogeri yang membahagikan seni bunyi pada waktu itu. Katogeri itu adalah –

- i) seni persembahan untuk rakyat.
- ii) seni persembahan untuk istana.

Permasalahan ini mungkin di sebabkan oleh faktor ekonomi, teknologi dan dan perspektif masyarakat pada masa itu sendiri yang menganggap seni ini hanya sebagai satu bentuk hiburan dan pengiktirafan status seseorang individu.

Pada abad ke 20 ini, perkembangan muzik telah memberikan pelbagai pengkhususan alternatif kepada aktivis-aktivis seni. Ini disebabkan seni bunyi

# DAFTAR KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
DAFTAR KANDUNGAN.....	iv
SENARAI RAJAH.....	viii
SENARAI GAMBARAJAH.....	ix
GLOSARI.....	xi

Bab	Muka surat
1. PENGENALAN.....	1
Tujuan penyelidikan	
Latar belakang kajian	
Skop kajian	
Objektif	
Kaedah kajian	
Permasalahan	
Organisasi	
2. PENGENALAN BUNYI.....	13
Bunyi	
Gelombang tekanan bunyi	

## BAB 1

### Pengenalan

Perkembangan pesat teknologi sains, maklumat, perisian, dan dunia perkomputeran telah mempengaruhi hampir semua bidang kehidupan secara langsung mahupun tidak. Di dalam perkembangan teknologi yang pesat ini, industri muzik juga tidak terlepas daripada dieksploitasi secara positif untuk meningkatkan lagi daya kreativiti. Kesan yang paling ketara dapat dilihat ialah melalui peningkatan kualiti penghasilan bunyi.

Seni muzik adalah satu cabang seni yang begitu kuat mempengaruhi kehidupan dan ianya turut berkembang selaras dengan berkembangnya tamadun manusia. Ini terbukti apabila kita mengkaji kembali corak peralihan muzik yang berubah mengikut masa. Walaupun begitu kesenian yang ada pada sesuatu muzik itu tidaklah bersifat sementara, contohnya, muzik *classical* yang masih